

# Tiada wakil Kelantan di kabinet perlu jadi iktibar

UM 11.12.99

Oleh WAN ZULKEFLI WAN YAACOB

KOTA BHARU 10 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai asas yang kukuh untuk tidak lagi melantik wakil dari Kelantan dalam jemaah menteri setelah rakyat menolak mereka.

Pengerusi Barisan Nasional Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, sebagai anak Kelantan, baginya ia suatu yang mendukacitakan tetapi terpaksa-lah diterima oleh rakyat dan dijadikan iktibar.

“Selama ini Perdana Menteri telah memberi keistimewaan kepada Kelantan termasuk tiga portfolio disandang oleh anak negeri tetapi segala usaha mereka jelas sama sekali tidak dihargai.

“Jadi atas asas apa lagi Perdana Menteri mahu memberi tempat kepada wakil dari Kelantan,” ujar Annuar yang juga bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Beliau menyatakan ketika diminta mengulas pengumuman jemaah menteri oleh Perdana Menteri petang ini. Tiada seorang pun wakil dari Kelantan diselitkan dalam barisan kabinet baru.

Tempat beliau di kementerian tersebut diambil alih oleh Datuk Azmi Khalid.

Selain Annuar, turut tewas dalam pilihan raya umum lalu ialah Datuk Mustapa Mohamed yang sebelum ini menyandang jawatan Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua.

Manakala Datuk Paduka Ibrahim Ali diberi kepercayaan menyandang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri setelah dilantik sebagai senator. Ibrahim tewas dalam perebutan kerusi Parlimen Pasir Mas.

“Ketiadaan seorang pun wakil dari Kelantan dalam jemaah menteri tentunya menyukarkan untuk membawa masalah rakyat terus ke peringkat pembuat dasar (jemaah kabinet) dan diberi perhatian segera.

“Selama sepuluh tahun, saya dan kemudiannya bersama Datuk Mustapa banyak berusaha membawa masalah mereka dan sebahagian besarnya berjaya diselesaikan,” ujarnya.

Menurut Annuar, rakyat Kelantan masih sangat memerlukan perhatian Pusat walaupun keputusan tidak memberi ruang untuk pemimpin daripada

anak negeri untuk terus berkhidmat.

Beliau mengakui tanpa wakil dalam jemaah menteri peranan pemimpin UMNO Kelantan agak menyukarkan tetapi ia perlu diteruskan.

“Kalau kita tak lakukan, siapa lagi. Ini memberikan cabaran untuk kita terus berusaha sehingga senario politik Kelantan berubah,” ujar beliau.

## Peluang

Sementara itu, Ibrahim Ali ketika dihubungi berkata, tiada apa yang perlu dikesalkan oleh rakyat Kelantan kerana tiada wakil dari negeri itu dalam kabinet baru.

“Rakyat negeri itu telah diberi wakil dalam kabinet selama dua penggal tetapi mereka tetap menolak BN pada pilihan raya kali ini. Jadi tiada gunanya Kelantan diberi peluang lagi.

“Lagipun apa yang diputuskan oleh Perdana Menteri adalah haknya dan rakyat perlu menerimanya,” katanya.

Menurut Ibrahim, adalah wajar setiap peluang termasuk wakil dalam kabinet diberikan kepada rakyat yang telah memilih BN kerana mereka lebih berhak.

Ini termasuk kuota pemilihan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam, peluang perniagaan, pembangunan dan sebagainya.

Mengenai barisan kabinet berkenaan, Ibrahim menyifatkan pemilihan empat muka baru dari UMNO untuk jawatan menteri sebagai tepat kerana mereka terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berkelayakan.

Beliau merujuk kepada Datuk Azmi Khalid (Menteri Pembangunan Luar Bandar), Musa Mohamad (Menteri Pendidikan), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Belia dan Sukan) dan Datuk Nazri Tan Sri Aziz (Menteri Pembangunan Usahawan).